

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/08/9 - 34

PENJELASAN LHDNM BERHUBUNG DENGAN LAPORAN BERTAJUK "TAJA KAFA, DAPAT PELEPASAN CUKAI 7 PERATUS"

Berhubung dengan artikel yang diterbitkan oleh sebuah akhbar tempatan bertajuk "**Taja KAFA, dapat pelepasan cukai 7 peratus**" yang disiarkan pada 3 Ogos 2019, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menjelaskan bahawa laporan tersebut adalah tidak tepat dan mengelirukan para pembaca.

Adalah dimaklumkan bahawa bukan semua derma wang tunai yang diberikan kepada Institusi / Organisasi / Persatuan melayakkan penderma mendapat potongan cukai. Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), potongan cukai terhad kepada 7% (penderma selain syarikat) atau 10% (penderma syarikat) daripada pendapatan agregat hanya layak dinikmati sekiranya derma wang tunai tersebut diberikan kepada Institusi / Organisasi / Persatuan yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6), 44(11B) atau 44(11C) ACP 1967. Ringkasannya adalah seperti jadual di bawah dan butiran lanjut boleh diperolehi melalui portal rasmi di www.hasil.gov.my.

Sumbangan	Peruntukan Dalam ACP 1967
Derma/Hadiah wang kepada institusi/organisasi yang diluluskan.	Subseksyen 44(6)
Derma/Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada aktiviti sukan atau Badan Sukan yang diluluskan.	Subseksyen 44(11B)
Derma/Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat kepada projek berkepentingan Negara yang diluluskan.	Subseksyen 44(11C)

Bagi mendapatkan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6), Institusi / Organisasi / Persatuan boleh mengemukakan permohonan kepada LHDNM untuk pertimbangan kelulusan. Manakala untuk pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(11B) dan 44(11C) pula, permohonan boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk pertimbangan kelulusan.

Justeru, berhubung dengan pengecualian cukai bagi derma wang tunai kepada persatuan sukan di Malaysia, LHDNM menyeru semua persatuan sukan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan Malaysia sebelum membuat sebarang kutipan derma.

Diharapkan penjelasan ini dapat memperbetulkan sebarang kekeliruan berhubung dengan isu potongan cukai di bawah subseksyen 44(6), 44(11B) dan 44(11C) ACP 1967.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau hubungi Hasil Care Line di talian 1-800-88-5436.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 9 Ogos 2019